

## FAQ UNIT PENGURUSAN ASET JANM PULAU PINANG 2020

### 1) Apakah tatacara untuk mewujudkan ID aset?

Sila rujuk MPK AA-02 dan Manual IGFMAS berkenaan perwujudan data induk aset di laman web perakaunan akruan ([www2.anm.gov.my](http://www2.anm.gov.my))

### 2) Apakah tatacara untuk membuat penyelesaian Aset Dalam Pembinaan (AUC)?

Sila rujuk MPK AA-05 dan Manual IGFMAS berkenaan penyelesaian AUC di laman web perakaunan akruan ([www2.anm.gov.my](http://www2.anm.gov.my)).

### 3) Apakah tatacara untuk melaksanakan Pengelasan Aset?

Sila rujuk MPK AA-09 dan Manual IGFMAS berkenaan pengelasan aset di laman web perakaunan akruan ([www2.anm.gov.my](http://www2.anm.gov.my)).

### 4) Apakah tatacara untuk membuat pindahan aset?

Sila rujuk MPK AA-08 dan Manual IGFMAS berkenaan pindahan aset di laman web perakaunan akruan ([www2.anm.gov.my](http://www2.anm.gov.my)).

### 5) Adakah perolehan bagi penggantian alat penyaman udara termasuk kerja-kerja lain yang berkaitan seperti kerja permulaan, kerja penggantian, kerja pemasangan dikategorikan sebagai perolehan bekalan/perkhidmatan atau perolehan kerja?

Kerja-kerja penggantian alat penyaman udara termasuk kerja-kerja lain yang berkaitan adalah termasuk sebagai kategori perolehan Bekalan/Perkhidmatan. Selain itu, merujuk kepada soalan lazim dari Portal Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia, turut menyatakan bagi perolehan yang menggabungkan elemen bekalan dan perkhidmatan, agensi kerajaan perlu terlebih dahulu menentukan elemen yang lebih dominan dalam perolehan tersebut. Justeru itu, perolehan penyaman udara adalah termasuk sebagai perolehan Bekalan/Perkhidmatan (Perolehan Aset).

Elemen kos bagi item Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) terdiri daripada **i) harga belian, ii) sebarang kos langsung** (contoh : kos manfaat pekerja, kos penyediaan tapak, kos penghantaran dan pengendalian awal, kos pemasangan dan pemasangan, kos pengujian dan yuran profesional) dan **iii) anggaran awal bagi kos menanggalkan dan memindahkan item dan memulihkan tapak di mana item tersebut terletak**. Justeru itu, kesemua kos langsung yang terlibat adalah layak untuk dipermodalkan selaras dengan MPSAS 17.

**6) Apakah kod akaun yang bersesuaian untuk pembelian buku akta yang digunakan oleh pegawai penyiasat untuk rujukan kes dan dikehendaki dibawa ke mahkamah?**

Buku akta tersebut dibeli untuk digunakan dalam menyampaikan perkhidmatan jabatan tersebut. Berdasarkan MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan (HLP) adalah aset ketara yang dipegang untuk digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan atau perkhidmatan, sebagai sewaan kepada pihak lain atau untuk tujuan pentadbiran; dan dijangka boleh digunakan melebihi satu tempoh pelaporan. Justeru, pembelian buku yang digunakan untuk menyampaikan perkhidmatan jabatan tersebut perlu dikelaskan sebagai aset dan dibeli menggunakan OS35000.

**7) Apakah kod akaun yang bersesuaian bagi pembelian termometer berharga RM400?**

Pembelian termometer pada ketika situasi gempar dengan penularan pandemik COVID-19 dan dijangka penggunaannya hanya dalam tempoh singkat (atas faktor kesihatan dan keselamatan) adalah dicadangkan menggunakan OS27000.

**8) Apakah kod akaun bersesuaian bagi pembelian penyembur racun nyahkuman di pejabat yang berharga kurang RM200?**

Pembelian penyembur racun nyahkuman pada ketika situasi gempar dengan penularan pandemik COVID-19 dan dijangka penggunaannya hanya dalam tempoh singkat (atas faktor kesihatan dan keselamatan) adalah dicadangkan menggunakan OS27000.

**9) Adakah aset yang diperolehi pada tahun 2010 (ie sebelum tahun 2018) telah direkod ke dalam Laporan Baki Aset IGFMAS?**

Merujuk kepada polisi perakaunan akruan:

- i) sekiranya **aset alih yang telah disusutnilai sepenuhnya** tetapi masih digunakan, aset tersebut **tidak** akan diambil kira sebagai data baki awal 1 Januari 2018;
- ii) bagi **aset tak alih yang telah disusutnilai sepenuhnya** tetapi masih digunakan, usia guna perlu dinilai semula dan boleh dibawa sebagai data baki awal.

**10) Apakah bayaran ikhtisas bagi sesuatu projek perlu dibelanjakan atau dipermodalkan?**

Bayaran ikhtisas ialah bayaran perkhidmatan perunding. Berdasarkan MPSAS 17, yuran professional adalah termasuk sebagai kos langsung sesuatu Hartanah Loji dan Peralatan. Justeru itu, bayaran ikhtisas adalah perlu dipermodalkan.

**11) Adakah belanja pengubahsuaian bangunan yang hanya disewa dan bukan milik jabatan perlu dimodalkan atau sebaliknya?**

Tidak perlu dipermodalkan kerana bangunan tersebut bukanlah milik Jabatan atau Agensi tersebut. Hanya perlu direkodkan sebagai belanja dalam Penyata Pendapatan Jabatan atau Agensi tersebut.

**12) Apakah tindakan yang perlu diambil bagi perolehan 15 unit penghawa dingin (perolehan tahun lalu) yang telah didaftarkan kepada hanya 1 ID aset sahaja?**

Merujuk kepada pihak BPOPA, di dalam tempoh pra-peralihan Perakaunan Akruan, tindakan pelarasan kepada 14 ID aset baru menggunakan **modul pengelasan aset** adalah dibenarkan.